

Kecurian besi makin berleluasa di Kapar



● Pemilik premis barangan lusuh sepatutnya bersikap lebih bertanggungjawab dan tidak membeli barangan yang dicuri. (Gambar Hiasan)

KAPAR - Masalah kecurian barangan berasaskan besi, aluminium serta tembaga di kawasan taman perumahan terutamanya di Kapar bukan masalah baru kerana ia sudah berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya.

Kewujudan banyak kedai barang lusuh dan permintaan tinggi untuk barangan itu dikatakan menjadi faktor wujudnya masalah kecurian besi penutup longkang, pembetung najis, wayar elektrik,

kabel telefon, meter, paip, tong gas dan pelbagai lagi barangan berasaskan logam.

Penduduk, Kamaruddin Osman 48, berkata, masalah kecurian barangan besi ini semakin memuncak kerana pencuri besi ini berani memanjat pagar rumah mereka untuk mencuri barang dan peralatan berkenaan.

"Rumah saya sudah bebera-

pa kali dimasuki pencuri besi buruk. Semua penutup tangki najis yang ada di belakang rumah sudah dicuri.

"Bukan setakat itu, kualiti, periuk, belanga dan tong gas pun dicuri. Beberapa rumah jiran saya juga mengalami nasib sama. Palang besi penutup longkang serta tong gas kosong disimpan di dapur juga dicuri," katanya.

Menurutnya, kenaikan harga besi di pasaran mungkin menjadi sebab utama wujudnya golongan berkenaan yang mahu mengaut keuntungan melalui cara mudah dengan mencuri dan menjualnya di premis barangan lusuh.

Seorang lagi penduduk, Mokhtar Abd Samad 52, berkata, kemungkinan besar pencuri besi itu terdiri dari penagih dadah, namun dia tidak menolak kemungkinan ia dilakukan oleh individu yang mencari rezeki dengan cara begitu.

"Memang banyak premis membeli barangan lusuh beroperasi di sekitar Kapar dan ia memudahkan lagi pencuri ini untuk menjual hasil curian mereka.

"Pemilik premis berkenaan tidak sepatutnya hanya memikirkan keuntungan sahaja. Mereka perlu lebih bertanggungjawab dengan tidak membeli barangan yang sudah pasti diketahui ia adalah hasil curi," katanya.

**penduduk
marah**